

Apresiasi Seni Dalam Karya Seni Catan Sulaiman Esa Menerusi Teori Estetik Melayu

Art Appreciation in Sulaiman Esa Paintings through Malay Aesthetics Theory

Wan Soliana Wan Md Zain¹, Marzuki Ibrahim^{2*}, Salwa Ayob³, Noor Hafiza Ghazali⁴,
Rushana Sulaiman @ Abd Rahim⁵, Mazni Omar⁶, Mohd Zamani Daud⁷,
Wan Salwanis Wan Md Zain⁸

^{1,2,4,6}Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

³Jabatan Seni Reka Seramik, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

⁵Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, MALAYSIA

⁷Jabatan Seni Reka Logam Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, MALAYSIA

⁸Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Universiti Malaysia Pahang,
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, MALAYSIA

wliana411@uitm.edu.my¹, *marzukiibrahim@unisza.edu.my², salwa948@uitm.edu.my³,
nhafiza@uitm.edu.my⁴, rushana@uitm.edu.my⁵, mazni867@uitm.edu.my⁶,
zamani266@uitm.edu.my⁷, salwanis@ump.edu.my⁸

***Corresponding author**

Received: 31 January 2023, Accepted: 28 February 2023, Published: 1 April 2023

ABSTRAK

Penyelidikan ini menerangkan tentang apresiasi seni dalam karya seni catan bertajuk Garden of Mystery IV (1992) oleh Sulaiman Esa. Keindahan karya dan motif dalam catan dianalisis menggunakan pendekatan teori estetika Melayu yang dikemukakan oleh Sulaiman Esa. Permasalahan yang timbul adalah bagaimana untuk mengesan dan mengenalpasti estetik Melayu dalam motif melalui bentuk, makna dan falsafah yang cenderung dengan pemilikan konsep berhalus (refinement), lembut (flexibility), seimbang (balance), kesatuan (unity), berguna (functionality) dan perlambangan (symbolism). Penyelidikan dijalankan secara kualitatif melalui analisis dokumen, di mana data dikumpulkan dan disaring daripada sumber seperti buku, tesis, jurnal, artikel, laman sesawang dan sebagainya dengan mencari rujukan yang relevan dengan permasalahan. Dapatan penyelidikan menunjukkan penggunaan motif tersebut mempunyai hubungkait antara falsafah keindahan budaya Melayu dengan kesenian Islam. Pemahaman tentang bentuk, maksud, falsafah, konsep dan tujuan aplikasi reka bentuk motif perlu diterapkan di dalam karya seni catan bagi membentuk imej dan identiti bercirikan Islamik. Sekali gus mencerahkan tentang prinsip estetik Melayu, memberi pemahaman tentang konsep kecantikan dari konteks ideologi Melayu dalam seni visual dan membimbing serta berusaha merangsang pelukis menghasilkan ekspresi baharu dalam karya catan seni moden.

Kata Kunci: Motif, Estetik Melayu, Konsep Keindahan, Apresiasi Seni, Catan.

ABSTRACT

This research explains the appreciation of art in the paintings titled Garden of Mystery (1992) by Sulaiman Esa. The beauty of the paintings and motifs is analyzed using the approach of the Malay aesthetic theory presented by Sulaiman Esa. The problem that arises is how to detect and identify the Malay aesthetic in the motif through the forms, content and philosophies that tend to be with the possession of refinement, flexibility, balance, unity, functionality and symbolism concepts. Research is

carried out qualitatively through document analysis, where data is collected and screened from sources such as books, theses, journals, articles, websites and so on by searching for references relevant to the problem. The research findings show that the use of the motif has a link between the philosophy of the beauty of Malay culture and Islamic art. An understanding of the form, content, philosophy, concept and purpose of the application of motif design should be applied in the artwork to form an Islamic image and identity. To enlighten the principles of Malay aesthetics, to provide an understanding of the concept of beauty in the context of the Malay ideology of visual arts and to guide and stimulate the artist to produce new expressions in modern painting.

Keywords: *Motif, Malay Aesthetics, Concepts of Beauty, Art Appreciation, Paintings.*



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Apresiasi seni adalah satu istilah yang membawa kepada maksud penilaian keindahan terhadap sesuatu karya seni. Tamsilan dan penghayatan oleh pemerhati disekeliling menjadikan penghasilan karya lebih bermakna dan berfungsi (Nor Idayu Ibrahim et al., 2022). Menurut Noor Enfendi Desa et al., (2022), karya seni dapat difahami melalui proses penghayatan yang mendalam atau lebih dikenali sebagai apresiasi seni. Apresiasi seni merupakan prinsip asas dalam memahami bahasa tampak bagi mentafsir karya seni dengan merujuk atau tidak merujuk kepada penggunaan subjek kajian, simbol, atau latar belakang sejarah, untuk kefahaman dan penghayatan karya seni. Penghayatan keindahan pada karya seni bertujuan menilai ketinggian hasil seni pengkarya. Menurut Nurkhasilah Idris et al., (2016), estetika Melayu didasarkan pada ekspresi kolektif dan kepekaan halus terhadap idea kesederhanaan dan kerendahan hati. Manakala menurut Maizira Abdul Majid dan Norhayati Ab. Rahman (2022), estetika Melayu merupakan satu bidang falsafah yang cuba menjelaskan peraturan dan prinsip keindahan, seterusnya menyelami apakah yang memandu orang-orang Melayu untuk melabelkan sesuatu sebagai indah atau cantik.

Konsep keindahan Melayu adalah berasaskan falsafah kefahaman ukiran kayu Melayu yang dikaitkan dengan kebenaran dan kebaikan. Konsep ini juga menepati fahaman al-Ghazali tentang keindahan iaitu merujuk kepada aspek kecantikan luaran dan dalaman (Shaliza Dasuki et al., (2017). Dengan erti kata lain, rasa keindahan bukan sahaja melalui pancaindera, malah penghayatannya melangkaui perasaan, fikiran dan psikologi. Estetika Melayu ialah apresiasi atau penghargaan terhadap sesuatu yang cantik dan indah pada seni rupa Melayu itu sendiri. Estetika Melayu merupakan bidang falsafah yang menjelaskan peraturan dan prinsip keindahan, seterusnya menyelami apakah yang memandu orang-orang Melayu untuk melabelkan sesuatu sebagai indah atau cantik.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini dilaksanakan untuk melihat dan membuat satu apresiasi seni menggunakan teori estetik Melayu yang diperkenalkan oleh Sulaiman Esa terhadap salah satu karya olahan beliau. Untuk menghayati prinsip dan falsafah pada karya seni catan Garden of Mystery IV (1992), motif yang terdapat dalam karya ini dianalisis dan diterjemahkan berdasarkan prinsip estetik Melayu yang digunakan olehnya. Bukti ketinggian dan kehalusan motif seni tradisi Melayu dari kekreatifan orang Melayu-Islam ini setanding dengan kehebatan kesenian tamadun Islam zaman silam.

1.1 Konsep Estetik Melayu oleh Sulaiman Esa

Konsep estetik Melayu menurut Sulaiman Esa menggariskan sifat seni rupa Melayu berdasarkan enam prinsip iaitu halus (*refinement*), lembut (*flexibility*), seimbang (*balance*), kesatuan (*unity*), berguna (*functionality*) dan perlambangan (*symbolism*) yang dapat dijelaskan seperti prinsip berikut:

1. Prinsip Halus - Konsep Melayu tentang indah yang menandakan kualiti estetik adalah seperti kehalusan dan kerumitan.

2. Prinsip Lembut - Lembut atau fleksibiliti merujuk kepada proses dan pendekatan produk seni dan juga kepada kepekaan artistik karya seni.
3. Prinsip Seimbang - Keseimbangan yang disamakan dengan idea simetri di mana ketertiban, keharmonian dan kesatuan berkait rapat antara satu sama lain. Ketertiban, keharmonian dan kesatuan berkait rapat dengan undang-undang suci alam kosmos.
4. Prinsip Kesatuan - Kesatuan adalah usaha mengintegrasikan dan menyatukan semua elemen seperti motif, reka bentuk corak dan warna serta mengubahnya menjadi satu gubahan komposisi yang teratur dengan rasa keseluruhan dan keutuhan.
5. Prinsip Berguna - Berguna yang dikenal pasti dengan penggunaan dan pada masa yang sama berfungsi dengan fungsi yang dimaksudkan. Karya seni dibuat bertujuan bukan hanya sekadar untuk mendapatkan satu objek yang sedap dipandang atau selesa dipegang. Sebagai objek yang berfungsi, objek seni dibuat sebagai sebahagian daripada satu keseluruhan.
6. Prinsip Perlambangan - Perlambangan yang digunakan dalam karya seni dipengaruhi oleh simbol-simbol suci terutama yang suci dan mutlak yang berfungsi sebagai zikir makhluk kepada pencipta (Allah SWT).

1.2 Biografi Ringkas Sulaiman Esa

Sulaiman Esa dilahirkan di Johor Bharu pada 12 September 1941. Beliau telah menghabiskan hidupnya selama dua belas tahun di Barat semata-mata untuk mendapatkan latihan formal dalam bidang seni. Antaranya, mengikuti pengajian peringkat MA in Fine Art di Maryland Institute College of Art, Baltimore, Amerika Syarikat dan pengajian Islam di peringkat doktor falsafah di Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat di bawah bimbingan sarjana terbilang Seyyed Hossein Nasr dan Lois Lamya al-Faruqi. Setelah kembali ke Malaysia beliau sempat menjadi pereka di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang kemudiannya berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi MARA, Shah Alam (kini UiTM). Beliau telah menumpukan lebih lima puluh tahun kehidupannya dalam dunia seni visual Malaysia (1950-an hingga 2011) (Raja'ah, 2011) dan merupakan perintis atau pelopor seni negara kepada gaya catan seni Islam. Keupayaan beliau sebagai salah seorang penggerak utama seni Islam mampu mengangkat karya berinspirasi Islam dengan mengenengahkan motif serta simbol identiti Melayu-Islam.

Sulaiman Esa antara pelukis yang menghasilkan karya catan beridentitikan Islam yang mencapai keseimbangan simbiotik, globalisasi dan budaya warisan menggunakan kerohanian Islam dalam perkembangan seni Islam kontemporari di rantau Asia Tenggara. Dalam enam dekad yang lalu, beliau telah berjuang dengan gigih untuk mengetengahkan dan menghubungkan kerohanian Timur, modenisme dan estetika barat dengan mendahului dan mengamalkan tradisi Melayu-Islam dalam karya beliau disamping mengelakkan nilai sekular di dalam karya (Khatijah Sanusi, 2016). Ketinggian ilmu, tumpuan tenaga dan masa beliau sedikit sebanyak telah menerapkan anjakan paradigma ke arah pembangunan seni di Malaysia.

2. KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia, penyelidikan tentang estetika Melayu sering mendapat tempat dihati para sarjana. Walau bagaimanapun setiap kupasan para sarjana dan penyelidik adalah berbeza dan meluas. Antara penyelidikan terbaru oleh Nor Idayu Ibrahim et al., (2022) tentang kajian apresiasi seni yang menfokuskan kepada karya yang dihasilkan oleh anak gadis yang mempunyai keakraban kasih terhadap neneknya. Karya yang bertajuk Sarung Batik Nenek Ku dianalisis menggunakan enam pecahan nilai estetika yang diperkenalkan oleh Zakaria Ali iaitu berhalus (*finesse*), berguna (*function*), bersatu (*unity*), berlawanan (*contrast*), berlambang (*symbolic*) dan bermakna (*meaningful*). Penyelidikan beliau

menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data dan melalui temu bual bersama pelukis. Mereka berpendapat bahawa apresiasi karya mampu menjadikan dan mengangkat pelukis baharu berani untuk menghasilkan karya dengan lebih aktif.

Melalui penyelidikan oleh Maizira Abdul Majid dan Norhayati Ab. Rahman (2022) yang menyiasat tentang sulaman kelengkapan Kelantan berdasarkan pendekatan estetika seni Melayu. Mereka juga menggunakan enam pecahan gagasan estetika yang diperkenalkan oleh Zakaria Ali (1989). Penyelidikan beliau menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kaedah kajian lapangan dengan menemu bual pengamal atau pakar penyulam kelengkapan di negeri Kelantan. Dapatan penyelidikan beliau mendapati sulaman kelengkapan Kelantan menerapkan motif flora dan fauna sejajar dengan enam prinsip dalam pendekatan estetika seni Melayu.


Selari dengan penulisan di atas, Nurkhozilah et al., (2016), terlebih dahulu menjalankan penyelidikan mengumpul dan menyusun teori-teori estetik Melayu yang ditekankan oleh beberapa orang sarjana Islam iaitu Al-Ghazali, Abdullah Mohamed (Nakula), Sulaiman Esa, Syed Ahmad Jamal, Ruzaika Omar Basaree dan Zakaria Ali. Penyelidikan ini melihat kepada teori estetik Melayu yang berkonsepkan keindahan seni untuk mendekati masyarakat seterusnya menjadi jambatan yang menghubungkan kefahaman masyarakat dengan perkara yang berkaitan seni visual dengan menyedarkan tentang teori kesenian Melayu.

3. METODOLOGI

Reka bentuk penyelidikan ini adalah menggunakan pendekatan penerokaan (*exploratory*) iaitu ulasan literatur secara deskriptif berkaitan dengan analisis karya catan ke atas motif dan simbol dalam karya seni catan Garden of Mystery IV (1992) oleh Sulaiman Esa. Terdapat tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu pemerhatian, visual rakaman dan analisis dokumentasi. Data dikumpul berasaskan kepada kerja lapangan secara empirikal dan data yang diperoleh ketika berada di lapangan. Pemerhatian dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif yang mana penyelidik memerhati dan mengambil bahagian dalam ruang pameran di tempat keberadaan karya. Penyelidik mengambil bahagian dalam proses memerhati dan memahami sifat serta dapat melihat secara visual susunan dan perletakan motif dalam karya catan.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kaedah pemilihan sampel merujuk kepada pengkarya catan seni Islam di Semenanjung Malaysia yang tersenarai dalam sejarah seni visual kontemporari Malaysia. Tumpuan utama diberikan kepada tokoh pelukis terkenal Malaysia iaitu Sulaiman Esa. Beliau merupakan salah seorang penggerak utama seni Islam yang berupaya mengangkat karya berinspirasi Islam dengan mengenengahkan motif serta imej identiti Melayu-Islam dan telah menumpukan hampir enam puluh tahun kehidupannya dalam dunia seni visual semenjak 1950-an hingga kini. Menerusi penulisan ini, Garden of Mystery IV di pilih untuk dianalisis melalui teori estetik Melayu dalam meneliti akar Melayu-Islam yang menjadi pembawaan dan resapan berasaskan falsafah ukiran kayu Melayu.



Rajah 1 Garden of Mystery IV (1992) oleh Sulaiman Esa
Media Campuran 216 cm × 157 cm (1992)
Sumber: Koleksi Seni Negara (Malaysia)

4.1 Deskripsi Karya Garden of Mystery IV

Garden of Mystery IV merupakan karya seni catan yang mengungkap ruang simbolik permaidani Islam. Dihasilkan dalam format menegak catan moden yang mana reka bentuk tersebut mengingatkan kepada seni sejadah dan konsep taman syurgawi dalam tamadun Islam. Menurut Khatijah Sanusi (2016), Garden of Mystery IV adalah interpretasi yang mendalam tentang syurga yang dicerminkan dalam keindahan dunia yang lain pengaruh daripada tasawuf. Sulaiman Esa mengengahkan catan yang mewakili ruang simbolik permaidani melalui tanda-tanda yang mewujudkan tentang pengembangan, kenaikan, keberadaan manusia dan yang paling penting dalam masa serta ruang. Catan ini dipersembahkan secara olahan simetri dengan kaedah pengulangan mengikut prinsip estetika Islam yang memberi makna secara tersurat dan tersirat (Ruzaika Omar Basaree, 2016).

Olahan permukaan rata pada catan ini menggunakan sistem grid, motif abstrak dengan penggunaan warna-warna yang terang. Keindahan catan ini terletak pada susun atur motif-motif geometri dan konsep matematika seperti bentuk poligon, prinsip simetri, pengulangan serta infiniti. Kombinasi beberapa motif berunsur geometri bukan hanya membentuk identiti sesebuah karya, tetapi ianya menunjukkan kreativiti pengkarya. Motif berbentuk geometri merupakan lakaran yang menampilkan corak garisan berbentuk bulatan, Bunga Pecah Lapan atau Segi Empat Belah Ketupat (Jasman Ahmad et al., 1996). Simetri juga dilihat mendasari karya catan di atas dengan menampilkan satu garisan paksi di tengah-tengah motif secara menegak, melintang, separuh bulatan atau bulatan. Motif-motif akan dikenal pasti menggunakan apresiasi seni menerusi subjek, bentuk dan makna melalui teori estetika Melayu sumbangan Sulaiman Esa terhadap seni kontemporari Malaysia.

4.1.1 Prinsip Halus

Konsep Melayu tentang indah yang menandakan kualiti estetik adalah kehalusan dan kerumitan. Prinsip halus adalah prinsip keindahan yang memenuhi kedudukan yang tertinggi dalam heiraki estetik Melayu. Prinsip ini merujuk kepada daya kepekaan. Istilah halus menekankan kualiti estetika, antaranya ialah kerumitan sesebuah hasil seni dan kemahiran atau kekreatifan seseorang seniman. Prinsip berhalus merujuk kepada penilaian sesuatu objek atau karya seni berdasarkan cara pembuatan dan sifat kejujuran pada bahan dan medium. Cara pembuatan merujuk kehalusan kerja tangan mengendalikan bahan ataupun medium yang melibatkan pemilihan bentuk dan elemen yang diambil daripada alam sekitar.

Kebijaksanaan menyelesaikan sifat bahan dan medium sehingga mencapai kesatuan yang baik dalam karya, menunjukkan keberjayaan prinsip berhalus dalam karya. Jika di teliti, halusnya penciptaan karya itu kerana adanya penyesuaian diantara idea dengan bahan.

Oleh sebab itu, proses menghasilkan karya seni catan *Garden of Mystery IV* memerlukan ketelitian yang sangat tinggi. Medium yang digunakan dalam catan ini adalah penggabungan bahan dari alam semula jadi seperti buluh, kertas buatan tangan, benang dan medium akrilik. Keupayaan Sulaiman Esa mengabungkan bahan dari alam semula jadi untuk membentuk idea yang diterjemahkan berjaya menunjukkan berhalusnya proses dan tingginya kesabaran beliau dalam menghasilkan catan tersebut. Terdapat sulaman buluh-buluh halus dan kecil membentuk motif-motif geometri seperti poligon segi tiga, segi empat sama, segi empat tepat, rombus, berlian, bintang dan sebagainya. Teknik ini seakan anyaman atau sulaman yang terdapat pada barang kraf Melayu tradisi.

4.1.2 Prinsip Lembut

Dalam prinsip ini, Sulaiman Esa menjelaskan kelembutan adalah merujuk kepada proses dan pendekatan kerja menghasilkan produk seni dan juga kepekaan artistik dan psikologi terhadap karya seni. Beliau memberikan dua contoh kepada prinsip ini, pertama; lembut menandakan ketiadaan keganasan atau kekasaran paksaan atau kekuasaan dalam sesuatu ciptaan. Kedua, lembut yang menyaranakan kualiti-kualiti kehalusan dan kelembutan.

Penciptaan *Garden of Mystery IV*, pelukis mengutamakan pengolahan permukaan rata dengan ketelitian penggunaan sistem grid, motif geometri dengan warna yang terang. Keindahan kelembutan karya ini terletak pada susunan dan penggunaan motif geometri yang dominan dalam catan. Ternyata sifat-sifat matematika seperti simetri, keseimbangan, pengulangan dan infiniti. Penggunaan aneka warna yang harmoni dengan memberi titik tumpuan pada bahagian tengah karya memberikan rasa yang damai pada penglihatan. Keselesaan tumpuan mata menjadikan rasa kelembutan dan tidak kasar itu hadir dalam rasa psikologi pengamatan.

Jika diamati dengan teliti, proses kerja tangan menghasilkan *Garden of Mystery IV* oleh pelukis penuh dengan ciri kelembutan dengan padanan gabungan media kanvas, benang, buluh dan akrilik. Pelukis amat bersungguh-sungguh meneroka bahan semulajadi sebagai permukaan asas kepada kerja-kerja menghasilkan catan. Kelembutan mencantumkan bahan-bahan semulajadi dan konvensional dalam satu permukaan yang membentuk satu kesatuan diantara medium dan media menggambarkan kesabaran yang tinggi dalam sifat pelukis. Sifat kesabaran yang tinggi merupakan sifat seorang Melayu-Islam. Orang Melayu-Islam di Malaysia terkenal dengan kelembutan. Mereka mentafsirkan kelembutan akan membawa kepada kasih sayang.

Keseluruhan permukaan catan ini memperlihatkan rupa asas segi empat mendominasi ruang dalam karya. Ini menunjukkan rupa segi empat tidak memerlukan komitmen yang tinggi berbanding dengan reka corak lain yang lebih unik. Kebijaksanaan dan kekreatifan pengkarya menyusun atur reka corak segi empat dengan penggunaan geometri seperti saiz, ulangan, tindanan, arah dan simetri membentuk kesatuan yang baik dalam catan. Walaupun corak geometri ini lebih kepada bersifat pegun, kekreatifan pelukis berjaya menunjukkan kelembutan pada susunan geometri susunan arah yang pelbagai.

4.1.3 Prinsip Seimbang

Prinsip seimbang yang dimaksudkan oleh Sulaiman Esa adalah idea simetri di mana ketertiban, keharmonian dan kesatuan berkait rapat antara satu sama lain. Ketertiban, keharmonian dan kesatuan yang dimaksudkan adalah berkait rapat dengan undang-undang suci alam kosmos. Prinsip ini disamakan dengan konsep simetri yang mempunyai ciri-ciri dan falsafah yang berpadanan dengan rupa dan jiwa Islam. Matlamat prinsip keseimbangan dicapai apabila elemen kelembutan, harmoni dan ketenangan bersatu di dalam karya. Bagi mencapai maksud keseimbangan dalam sesebuah karya seni,

simetri merupakan satu elemen penting yang menjadi asas kepada seni Melayu. Ciri ini jugalah yang diterapkan pada kebanyakan seni Islam yang mana menerangkan nilai keindahan di dalamnya.

Simetri merupakan kesan keseimbangan atau sama ukur dalam sesuatu komposisi lukisan, catan, ukiran dan sebagainya. Untuk mendapatkan kesan ini, sesuatu rupa atau bentuk yang dirancang perlu digubah supaya teratur dan seimbang dalam satu paksi. Istilah simetri amat sinonim dengan rupa geometri. Ini kerana, simetri berlaku apabila wujud satu garisan lurus di tengah-tengah imej yang menghasilkan imej serupa pada bahagian kiri dan kanan yang membentuk putaran sebanyak 180° . Terdapat empat kategori garis simetri iaitu 45° , 90° , 180° dan 360° .

Geometri merupakan satu daripada tiga motif hiasan seni Islam yang tidak menggunakan bentuk figura di samping motif khaligrafi dan arabesque (Ros Mahwati Ahmad Zakaria et al., 2018). Geometri terhasil dari kaedah pengulangan bentuk asas seperti bulat, segi empat dan segi tiga yang akhirnya boleh menghasilkan corak yang sangat kompleks dan mengkagumkan. Menerusi kesenian Melayu-Islam, konsep geometri berkembang dengan meluas berasaskan kedudukan reka bentuk yang dibahagikan secara seimbang. Susunan dititikberatkan dari segiimbangan dan keharmonian menerusi corak geometri yang dibina mengikut pengulangan dari olahan susunannya (Wan Soliana Wan Md Zain et al., 2020). Keseimbangan simetri dalam seni Melayu dapat mencapai rasa keharmonian dan juga ketenangan yang mana kualiti ini kebanyakannya dijumpai dalam karya seni Islam.

Seni Islam adalah pengulangan corak-corak geometri (Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad, 2020). Motif geometri Islam adalah adaptasi pengamatan seniman muslim dari alam semulajadi dan kosmos. Di dalam karya seni catan Garden of Mystery IV yang keseluruhannya menggunakan motif geometri seperti segi empat sama dan segi empat tepat yang apabila ditindanan, diulang, diubah kedudukannya maka terhasil pelbagai motif geometri lain seperti bunga pecah empat, bunga pecah lapan, motif bintang, siku keluang, robus, berlian dan sebagainya. Motif-motif ini disusun secara seimbang dan tertib dari atas ke bawah dan kiri ke kanan. Perletakan motif utama di tengah-tengah catan yang menjadi titik tumpuan kerana saiz, warna dan corak dibuat sekata bagi memperlihatkan ciri-ciri simetri dengan jelas. Terdapat pelbagai motif bintang yang digunakan oleh pelukis, besar kemungkinan penggunaan bintang dalam karya catan ini menandakan pelukis seorang yang amat memandangi tinggi tentang harapan kepada seni Islam. Kedudukan bintang yang berada jauh di alam kosmos memberi erti pengharapan yang tinggi terhadap sesuatu kejayaan.

Bintang merupakan corak geometri yang popular di kalangan seniman muslim seluruh dunia yang memberi maksud pencapaian yang tinggi, lambang kejayaan Islam dan perdamaian. Ciri utama motif geometri Islam merangkumi prinsip pengulangan dimana satu poligon biasa diulang untuk membentuk satu reka corak yang tidak terhingga (*infinity*). Ini bermakna motif geometri dapat diulang dan diperluaskan ke segenap ruang. Simetri akan tercipta bilamana reka bentuk geometri melalui prinsip pengulangan dibuat secara kompleks dengan pencerminan bentuk-bentuk. Dalam catan seni Islam, reka bentuk corak geometri yang berulang menunjukkan ciri-ciri kesenian Islam. Daripada analisis di atas maka jelaslah bahawa karya yang menggunakan motif geometri adalah gambaran visual matematik yang dapat mewujudkan keseimbangan dan simetri dalam karya dari semua aspek elemen seni dan prinsip seni reka. Keseimbangan amat dititik beratkan dalam kesenian Melayu-Islam.

4.1.4 Prinsip Kesatuan

Kesatuan adalah usaha mengintegrasikan dan menyatukan semua elemen seperti motif, reka bentuk corak dan warna serta mengubahnya menjadi satu gubahan komposisi yang teratur dengan rasa keseluruhan dan keutuhan. Prinsip kesatuan memperlihatkan adanya perkaitan di antara dan di dalam unit sesebuah motif tertentu. Bagi menjelaskan prinsip ini, pertama dapat dilihat pada karya tersebut tentang kombinasi penggunaan media adalah amat baik. Pelukis menyatukan bahan seperti fiber, benang, buluh, kertas buatan tangan dan campuran warna akrilik menjadi gabungan yang menghasilkan kesatuan yang baik. Gabungan bahan tersebut berjaya mengolah corak-corak geometri dan arabes melalui poligon seperti segi empat sama, segi empat tepat, oktagon, trapezium, rombus dan

bintang. Gabungan penggunaan media berjaya menimbulkan satu komposisi karya yang amat baik melalui pelbagai sifat bahan.

Pelukis memilih dan merancang untuk memberi titik tumpuan atau fokus pada bahagian tengah karya dalam komposisi menegak. Penggunaan motif bunga pecah lapan, diikuti oleh dua motif geometri lain yang menguasai saiz karya, tetapi masih mengekalkan kesatuan di antara dan di dalam unit-unit geometri lain yang lebih kecil saiznya pada bahagian kiri dan kanan serta atas dan bawah. Ini menunjukkan wujudnya perkaitan daripada motif yang menjadi titik tumpuan dengan motif di sekitar ruang dalam karya tersebut. Penggunaan motif geometri dan bintang mewujudkan sesuatu yang berkesinambungan dalam catan tersebut secara menyeluruh. Ia diumpamakan daripada sekuntum sehingga serumpun mawar, daripada sehelai sehingga seponoh daun, daripada sebiji sehingga setangkai buah, daripada sedaun tingkap sehingga sebuah istana, dari hulu hingga ke sarung keris dan daripada huruf alif sehingga huruf ya.

Pengolahan penggunaan warna yang baik dalam catan ini menjadikan karya ini membentuk kesatuan yang baik dan tinggi kedudukannya. Penggunaan warna ungu dan jingga amat dominan dalam karya ini. Dalam ungkapan Islamik, gabungan kedua-dua warna sejuk dan panas digunakan untuk menyampaikan mesej dan kandungan tertentu (Alif Haiqal Musa dan May Tasneem Nor Adzaman, 2020). Menurut Aimi Atikah Roslan dan Syed Alwi Syed Abu Bakar (2019), warna adalah elemen penting dalam penghasilan karya seni dan karya seni dihargai kerana gaya warnanya. Ini kerana kesatuan warna yang baik mempengaruhi emosi manusia sebelum mereka dapat memahami sesuatu simbol, corak dan imej.

4.1.5 Prinsip Berguna

Sulaiman Esa mengaplikasikan dan mengungkap ruang simbolik permaidani Islam melalui penyusunan motif dan reka bentuk dalam Garden of Mystery IV mengingatkan kepada masyarakat tentang seni sejadah dan konsep taman syurgawai dalam tamadun Islam. Menurut Ellina Maruti @ Ezani (2020), permaidani atau sejadah adalah salah satu budaya benda yang menjadi simbol kepercayaan yang tinggi dengan nilai estetik tersendiri terutamanya kepada umat Islam. Pembuatan dan penggunaan sejadah merupakan satu seni yang penuh dengan keindahan dan istimewa di kalangan umat Islam. Di dalam Islam, sejadah atau turut dikenali sebagai hamparan permaidani dianggap sebagai satu seni yang mempunyai nilai istimewa dan dihormati. Al-Quran juga ada menyebut beberapa kali tentang permaidani sebagai perhiasan syurga. Sejadah dalam peradaban dunia Islam akan mengingatkan kita kepada suruhan Allah tentang rukun Islam yang mewajibkan seorang Islam mendirikan solat. Selepas bersaksi tentang keesaan Allah SWT dan kerasulan Nabi Muhammad SAW, maka seorang muslim diperintahkan untuk menyempurnakan solat.

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذُرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ

“Pokok (yang terpenting) dalam segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat, dan kemuncaknya adalah jihad”

Hadis ini secara jelas menyatakan bagaimana peranan solat sangat penting dalam urusan agama Islam. Orang Islam itu dikenali daripada solatnya. Di dalam sejarah, Islam di Tanah Melayu adalah orang Melayu. Prinsip dan falsafah Islam telah mengambil alih setiap aspek nilai kehidupan umat Islam di Malaysia khususnya Melayu ternasuklah gaya hidup, fikiran, budaya dan juga seni. Symbolisma penggunaan sejadah di dalam masyarakat Melayu adalah sebagai sehelai kain hamparan untuk mengerjakan solat. Fungsi sejadah adalah sebagai penebat dari tanah dan lantai semasa mendirikan solat yang melibatkan sujud, melutut dan duduk. Sujud adalah aturan di antara manusia dan Allah dalam keadaan paling merendahkan diri. Symbolik sejadah merupakan platform yang selamat dalam perhubungan manusia dengan Allah yang paling istimewa. Sejadah melambangkan aspek kegunaan bagi mencapai keeselesaian, kebersihan dan kesucian yang penting dalam Islam.

4.1.6 Prinsip Perlambangan

Lambang atau simbol dalam karya seni adalah merujuk kepada percubaan pelukis untuk menyatakan kebanggaan pada alam semulajadi dan kekaguman terhadap sesuatu identiti. Menurut Bachtiar (1982), simbol boleh diertikan sebagai lambang yang digunakan sebagai penghantar atau penyampai risalah akidah yang dianut dan mempunyai maksud tertentu. Sebenarnya lambang atau simbol ini adalah tanda konvensional yang dibina oleh komuniti tertentu atau individu yang dipraktikkan serta digunakan oleh kebanyakan komuniti tersebut.

Pelukis boleh membina perlambangan dalam pelbagai cara di mana simbol berfungsi untuk menyampaikan mesej dalam sesebuah karya. Walau bagaimanapun, bahasa visual adalah terhad dan tidak begitu bebas seperti bahasa lisan. Maka pelukis perlu bijak dan kreatif untuk mencipta simbol baharu sehingga menghasilkan lambang yang bersifat peribadi. Lambang yang digunakan dalam karya catan ini adalah mengikut estetika budaya Melayu seperti refleksi, agama, kepercayaan, etika dan sebagainya. Prinsip berlambang menekankan kesatuan antara isi dan bentuk. Orang Melayu kaya dengan pemikiran dan falsafah melihat hal ini sebagai suatu tanggungjawab dalam terus menyumbang kepada sesuatu yang bermanfaat sekali gus saling mengingatkan antara satu sama lain tentang kehidupan ini. Selain mempunyai maksud yang tersembunyi dalam setiap motif, nama motif yang diberikan berkait rapat dengan simbol kehidupan. Karya ini menunjukkan reka corak motif geometri seperti segi empat dan sebagainya digunakan membentuk poligon-poligon seperti trapezium, heksagon, pentagon dan oktagon. Di dalam estetika Melayu, lambang yang digunakan tersebut adalah motif bunga pecah empat (bunga cengkik), motif belah ketupat dan motif bunga pecah lapan (bintang) yang diolah pada permukaan catan.

Penerapan prinsip berlambang dalam *Garden of Mystery IV* ditunjukkan melalui penggunaan motif bintang lapan. Analisis menunjukkan terdapat enam jenis olahan bintang lapan oleh pelukis dalam catan tersebut. Bintang merupakan salah satu bukti kekuasaan dan kebesaran Allah yang patut diambil pelajaran oleh manusia dan merupakan saranan untuk mengenal Allah secara rasional. Salah satu keindahan yang Allah ciptakan di bumi ini ialah adanya bintang sebagai penawar kegelapan malam dan menggantinya dengan keindahan dan mempesona. Bintang dalam masyarakat Melayu-Islam, bersifat cantik, berkilau, bersinar, berada dalam kedudukan yang tinggi, galaksi ciptaan Allah SWT dalam alam cakerawala aturan semulajadi. Berdasarkan pendekatan prinsip berlambang, nilai-nilai keindahan motif yang terdapat dalam catan tersebut menekankan aspek kesatuan antara bentuk dan makna (*form and content*).

Bintang merupakan lambang universal masyarakat Islam di seluruh dunia. Tingginya perlambangan bintang sehingga terdapat beberapa sebutan digunakan oleh orang Melayu-Islam yang menterjemahkan bintang seperti bintang hati, bintang filem, bintang utama, bintang harapan, bintang legenda dan sebagainya. Dalam konteks ini, beberapa sifat yang terdapat pada bintang menjadi inspirasi kepada pelukis untuk di terjemahkan dalam karya mereka. Dalam kebudayaan Islam bentuk ini disebut dengan bintang kejayaan. Inspirasi dari bintang lapan pada awalnya adalah simbol yang digunakan dalam astronomi, iaitu lapan garis simbolik dari empat sudut ruang (utara, selatan, timur, dan barat) dan waktu (dua solstis dan dua ekuinoks).

5. RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan apresiasi seni terhadap karya seni catan *Garden of Mystery IV*, penggunaan motif dan simbol yang digunakan memperlihatkan nilai keindahan dan falsafah pemikiran pelukis penuh dengan nilai estetik dan falsafah Melayu-Islam. Catan yang keseluruhannya menggunakan motif geometri kelihatan agak pegun, mampu menjadikan karya tersebut seolah-olah bernafas dengan gaya yang tersendiri apabila tambah nilai estetik dan diterjemahkan melalui teori estetik Melayu. Motif dari unsur flora dan kosmos yang digunakan seperti bunga pecah empat, belah ketupat, bunga pecah lapan, bintang lapan dan rombus membawa simbol penting yang berkait rapat dengan alam dan juga kehidupan masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, nama-nama motif fauna yang

digunakan seperti motif siku keluang memperlihatkan simbol keterikatan masyarakat Melayu dengan alam.

Daripada analisis yang dilakukan terhadap karya seni catan Garden of Mystery IV melalui pendekatan prinsip estetika Melayu, membuktikan bahawa catan tersebut mempunyai nilai-nilai keindahan seperti yang digariskan dalam enam prinsipnya. Prinsip estetik tersebut ialah pertama; prinsip halus yang dapat dilihat pada penggunaan bahan dan teknik dalam catan yang dihasilkan. Kedua, prinsip lembut berdasarkan pengolahan penggunaan media dan juga teknik dalam mengolah motif pada catan melalui sistem grid, geometri, matematika serta warna. Ketiga adalah prinsip seimbang yang boleh dilihat pada keseluruhan karya adalah dalam keadaan seimbang serta kedudukan motif geometri yang digunakan menggambarkan simetri dan keseimbangan. Keempat adalah prinsip kesatuan yang menekankan aspek ciptaan motif yang mempunyai permulaan dan pengakhiran, perkaitan dan intergrasi di antara dan di dalam unit-unit ciptaan. Prinsip yang kelima iaitu berguna didasarkan pada makna intrinsik subjek sejadiah atau pun permaidani kecil yang merujuk kepada aktiviti urusan agama Islam yang wajib iaitu solat. Prinsip perlambangan iaitu prinsip keenam yang menekankan aspek penyatuan antara isi dan bentuk. Aspek isi menekankan penggunaan motif yang memacu kepada makna berbentuk perlambangan, manakala aspek bentuk pula, memperlihatkan imej luaran fizikal motif yang digunakan.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kekreatifan pelukis menerapkan motif geometri dalam Garden of Mystery IV, ternyata berupaya menyerlahkan lagi unsur-unsur kehalusan dan keindahannya yang dilihat berdasarkan pendekatan estetik Melayu. Diharapkan hasil penyelidikan ini dapat mendorong masyarakat untuk menghargai keindahan karya seni catan dari perspektif yang berbeza. Ia bukan sekadar memberi nilai estetik luaran tetapi mempunyai banyak makna simbolik yang melambangkan ketaatan kepada Allah SWT serta kekuatan spiritual Islam.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada penyelia penyelidikan Prof. Ts. Dr. Marzuki bin Ibrahim dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu dan Dr. Salwa binti Ayob dari Kolej Pengajian Seni Reka Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak atas bimbingan dan sokongan beliau dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung antaranya Balai Seni Negara, Muzium Kesenian Islam Malaysia, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan rakan seperjuangan dalam memberikan maklumat, data dan cadangan untuk menyiapkan penyelidikan ini.

PEMBIAYAAN

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana agensi dan dana penyelidikan.

SUMBANGAN PENULIS

Wan Soliana binti Wan Md Zain berperanan sebagai penulis utama dan bertanggungjawab terhadap penyelidikan ini. Noor Hafiza binti Ghazali, Rushana binti Sulaiman @ Abd Rahim dan Mazni binti Omar sebagai pengumpul data sekunder sementara Mohd Zamani Daud bersama Wan Salwanis binti Wan Md Zain berperanan sebagai pembantu penyelidik.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, pengperancangan dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Aimi Atikah Roslan dan Syed Alwi Syed Abu Bakar. (2019). *Warna Kontemporari Dalam Karya Seni*. Ideology Journal. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 4 Issue 2, 20-27. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v4i2>.
- Alif Haiqal Musa dan May Tasneem Nor Adzaman. (2020). *Thematic Analysis of Self-Experience, Cultural Expression and Islamic Expression on Haron Mokhtar's Series of Paintings*. Ideology Journal. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 5 Issue 1, 3-7. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1>.
- Bachtiar, H. W. (1982). *Birokrasi dan Kebudayaan. Analisis Kebudayaan*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Ellina Maruti @ Ezani. (2020). *Karya Siri Sejadah Fatimah Chik Mengikut Konsep Keindahan Dalam Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.
- Jasman Ahmad, Siti Razmah Idris dan Sulaiman Zakaria. (1996). *Ukiran Melayu*. Petaling Jaya, Selangor: Pinang.
- Khatijah Sanusi. (2016). *Encountering Globalization: The Work of Sulaiman Esa from the 1950s to 2011*. 1st International Conferences on Islamic Heritage Architecture and Art.
- Maizira Abdul Majid dan Norhayati Ab. Rahman. (2022). *Motif Flora dan Fauna dalam Sulaman Kelingkan Berdasarkan Pendekatan Estetika Seni Melayu*. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 15(1), 117–136. [http://doi.org.10.37052/jm.15\(1\)](http://doi.org.10.37052/jm.15(1)).
- Nor Idayu Ibrahim, Nur Fatin Umar, Muhamad Rozali Othman, Naszirah Saleh dan Zainudin Md Nor. (2022). *Sarung Batik Nenek Ku – Suatu Apresiasi Seni*. Kupas Seni, 10(2), 39–46. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.5.2022>.
- Noor Enfendi Desa, Noor A'yunni Muhamad, Mohd. Fawazie Arshad dan Izzal Khairi Ramli. (2022). *Art Appreciation Aznan Omar's Solo Exhibition: Printing Satire*. Kupas Seni, 10(2), 22–29. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.3.2022>.
- Nurkhasilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisa Mohd Yussof, Farihan Zahari dan Shaliza Dasuki. (2016). *Compilation Theory of Malay Aesthetics: Concepts of Malay Beauty in Arts*. ISME Colloquium.
- Raja'ah. (2011). *Seni, Idea dan Kreativiti Sulaiman Esa dari 1950-an-2011*. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad dan Siti Norbaya Mat Yacob. (2018). *Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar Di Alam Melayu*. Jurnal Arkeologi Malaysia, Vol. 31, No. 1, hlm. 19-26 ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302 Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Ruzaika Omar Basaree. (2016). *Symbiosis: Keharmonian Seni Tradisional Dan Seni Digital Kontemporari*. Balai Seni Visual Negara. Kuala Lumpur.
- Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nur Hasliza Abdulah, Nurkhaliza Idris, Fazlina Mohd Radzi dan Salmah Ali. (2017). *Keindahan Konsep Tauhid dalam Rekabentuk Motif-Motif Seni Tradisi Melayu*. In: 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017).
- Siti Humaini Bt Said Ahmad @ Syed Ahmad. (2020). *Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan*. Ideology Journal. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 5 Issue 1, 157-164. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1>.
- Wan Soliana Wan Md Zain, Marzuki Ibrahim, Rushana Sulaiman and Nor Hafiza Ghazali. (2020). *The Symmetry Analysis in Sulaiman Esa Paintings Through Islamic Art Concept*. 1st International Conference on Design Innovation, Social Sciences & Technology (ICDISSST2020).

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar